



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
ARAS 2
51 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 4,
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000
Fax : 03-88915557
Kawat : "MINRUMAH"
http : //www.kpkt.gov.my
E-mail : pro@kpkt.gov.my
Twitter : kpkt_gov
Facebook : Kementerian Perumahan dan
Kerajaan Tempatan

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (31)

Tarikh : 31 Julai 2013

SIARAN MEDIA

PERINGATAN KEPADA BAKAL PEMBELI RUMAH DALAM MEMILIKI RUMAH IDAMAN ANDA

Putrajaya, 31 Julai – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan ingin menasihati bakal pembeli rumah agar berhati-hati semasa mencari rumah idaman mereka. Orang ramai disarankan meneliti kesahihan tawaran skim rumah mampu milik yang ditawarkan oleh para pemaju swasta ini sebelum membuat pembelian. Peringatan Kementerian ini dikeluarkan melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN).

Menurut Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, YBhg Dato' Dr. Mohd Padzil bin Hashim, "Disebabkan permintaan yang tinggi dalam pasaran perumahan maka para pemaju swasta telah menawarkan pelbagai skim yang menarik untuk memasarkan produk perumahan mereka. Skim - skim ini dijadikan daya tumpuan utama kepada bakal pembeli-pembeli rumah. " Menurut beliau lagi, " Baru-baru ini, Jabatan ini telah dimaklumkan oleh beberapa bakal pembeli rumah bahawa terdapat pemaju swasta telah menjalankan penjualan rumah dengan menggunakan konsep Islam dan para pembeli akan mendapat wang hadiah tunai sebanyak RM500.00 selama 36 bulan atau sehingga kunci rumah diserahkan kepada pembeli selepas perjanjian ditandatangani. Para

pembeli yang berminat untuk memiliki rumah yang ditawarkan oleh pemaju tersebut perlu mendapat pinjaman peribadi terdahulu dan seterusnya membayar sepenuhnya kepada peguam yang dilantik oleh pemaju berkenaan."

Jabatan ini ingin menjelaskan bahawa tatacara penjualan perumahan sedemikian adalah tidak mengikut garis panduan sebagaimana termaktub dalam Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118) & Peraturan-peraturan. Oleh yang demikian, bakal pembeli dinasihati agar berhati-hati dengan skim perumahan sedemikian kerana tatacara penjualan ini adalah tidak terjamin dan hak pembeli rumah tidak dilindungi di bawah Akta 118.

Ketua Pengarah JPN memberi peringatan kepada semua bakal pembeli rumah untuk memastikan beberapa perkara penting sebelum membeli rumah iaitu:-

- i. Lesen pemaju perumahan yang sah dan masih berkuatkuasa
- ii. Permit iklan dan jualan yang sah dan masih berkuatkuasa
- iii. Kebenaran merancang dan pelan susunatur telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- iv. Tanah berstatus perumahan dan pecah sempadan telah diluluskan di Pejabat Tanah
- v. Surat Perjanjian Jual dan Beli (SPJB) yang seragam mengikut Peraturan-peraturan Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1989 iaitu:-
 - Jadual G (Tanah dan Bangunan);
 - Jadual H (Bangunan yang dipecahbagagi);
 - Jadual I (Bina dan Jual bagi Tanan dan Bangunan); dan
 - Jadual J (Bina dan Jual bagi Bangunan yang dipecahbagagi)

JPN juga telah memperolehi maklumat bahawa terdapat pemaju dan koperasi telah menjalankan pemajuan perumahan tanpa memiliki lesen serta permit iklan dan jualan yang dikeluarkan di bawah Akta 118. Pihak Jabatan sedang menyiasat pihak-pihak yang terlibat dan mengambil tindakan sewajarnya bagi melindungi kepentingan pembeli rumah.

YBhg Dato' Dr. Mohd Padzil Bin Hashim juga menyarankan kepada orang awam agar memberi maklumat dan melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara sekiranya menemui tawaran skim perumahan yang meragukan. Bakal pembeli rumah juga boleh menyemak maklumat pemaju dengan melayari laman web Jabatan Perumahan Negara iaitu <http://ehome.kpkt.gov.my> atau menghubungi Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Perumahan Negara di talian: 03 – 8000 8000.

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Abdul Rahman Dahlan. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555

Faks : 03-8891 5557

E-mai : pro@kpkt.gov.my